

Sokong usaha kerajaan suburkan suasana harmoni pelbagai kaum

UMS disaran dekati masyarakat

UM 22.1.2014 26

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
pengarang@utusan.com.my

SEPANGGAR 21 Jan. - Kerjasama pintar dan penganjuran program kemasyarakatan daripada pihak universiti bersama orang ramai diharap dapat dipertingkatkan bagi memanfaatkan masyarakat setempat.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Jainab Ahmad berkata, program seumpama itu penting bagi menyokong usaha kerajaan menyuburkan suasana harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.

"Jalinan kerjasama pelajar universiti dengan orang ramai dilihat pemangkin terbaik memupuk rasa kasih sayang antara golongan anak muda yang merupakan generasi pelapis bersama generasi terdahulu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Amal Gotong-royong dan Sambutan Maulidur Rasul anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama penduduk Kampung Gudon di Masjid Al-Mujahidin Menggatal, dekat sini baru-baru ini.

Yang hadir sama, Dekan Fakulti Sekolah Perubatan UMS, Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin.

Jalinan kerjasama pelajar universiti dengan orang ramai dilihat pemangkin terbaik memupuk rasa kasih sayang antara golongan anak muda yang merupakan generasi pelapis bersama generasi terdahulu

JAINAB AHMAD
Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri

Tambah Jainab, penganjuran program bersama masyarakat setempat juga mampu menyelesaikan beberapa permasalahan yang berlaku di dalam komuniti seperti mengurangkan aktiviti tidak berfaedah golongan remaja, pembaziran masa tanpa program ilmiah dan merapatkan hubungan dalam masyarakat.

"Kerjasama pintar antara universiti dan masyarakat menerusi aktiviti atau program percambahan ilmu perlu diperhebatkan bagi menggalakkan perhubungan baik serta memberi manfaat kepada komuniti itu sendiri," katanya.



JAINAB Ahmad (duduk, tengah) beramah mesra dengan penduduk selepas merasmikan Program Amal Gotong-royong dan Sambutan Maulidur Rasul anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama penduduk Kampung Gudon di Masjid Al-Mujahidin, Menggatal, Sepanggar, Sabah, baru-baru ini.

